

# Banyak aset terbaharu dipamer

» DSA 2014  
tonjol  
kepelbagaian  
peralatan  
ketenteraan

Oleh Nor Azizah Mokhtar  
Kuala Lumpur

**P**ameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2014 yang berjaya menarik penyertaan sehingga 1,000 syarikat industri pertahanan dari 50 negara menjanjikan kelainan apabila lebih banyak aset ketenteraan terbaru dipamerkan.

Sejak kali pertama dianjurkan pada 1988, DSA 2014 yang bermula hari ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) akan memperlihatkan kepelbagaian dari segi peralatan dan teknologi pertahanan dan peperangan, sistem persenjataan udara, laut dan darat serta teknologi, sistem latihan dan simulasi sistem peperangan polis dan tentera.

Jumlah pempamer bertambah berbanding 850 syarikat pada DSA 2012 selepas reputasi pameran itu terus diiktiraf sebagai satu daripada lima acara terbaik dalam pameran pertahanan dunia dan ia juga satu tanda bahawa kerjasama di antara Malaysia dan ASEAN serta negara industri pertaha-

nan lain semakin erat.

**Selaras bidang pertahanan** Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata penganjuran DSA kali ini menjadi platform bagi ASEAN menyelaraskan bidang pertahanan masing-masing untuk menghadapi pelbagai kemungkinan ancaman pada masa hadapan.

“Sasaran utama pameran ini ialah memastikan ASEAN dilihat sebagai satu blok yang boleh bekerjasama dan boleh di koordinasi dari segi industri pertahanan selain memberi fokus terhadap isu ancaman baharu,” katanya pada sidang media selepas melawat tapak pameran DSA, semalam.

Beliau berkata, solidariti kerjasama negara anggota dalam industri pertahanan dan keselamatan wajar diberi penekanan, apatah lagi Malaysia bakal mempengerusikan Sidang Kemuncak ASEAN 2015.

Tambah beliau, pengurangan dalam bajet pertahanan melalui koordinasi dalam kalangan negara ASEAN turut

menjadi elemen utama penganjuran DSA.

## Tangani ancaman

“Kita mencari pendekatan luar kotak bagaimana untuk menangani ancaman sama melalui kerjasama dengan negara ASEAN lain supaya tiada pembaziran dalam bajet pertahanan,” katanya lagi.

Sepanjang empat hari pameran hingga Khamis ini, lebih 27,000 pelawat perdagangan dijangka melihat pameran yang dibuka dari jam 9.30 pagi hingga 4.30 petang membabitkan ruang pameran seluas 41,000 meter persegi. Ia khusus untuk pelawat perdagangan, anggota tentera, pasukan keselamatan serta pemerhati pertahanan itu dan pameran tidak dibuka kepada orang awam.

Selain ASEAN yang dianggotai Brunei, Filipina, Indonesia, Kemboja, Laos, Malaysia, Myanmar, Singapura, Thailand dan Vietnam, negara lain yang turut serta adalah Australia, Austria, Azerbaijan, Brazil, Bulgaria, China, Republik Czech, Perancis,

Jerman, Hungary, Indonesia, Itali, Norway, Pakistan, Poland dan Romania.

Tidak ketinggalan, Russia, Slovakia, Korea Selatan, Afrika Selatan, Sweden, Switzerland, Turki, United Kingdom, Ukraine serta Amerika Syarikat.

Syarikat industri pertahanan antarabangsa yang mengambil bahagian antaranya ADS UK, Aimpoint, BAE Systems, Boeing, Airbus Helicopter, Eurocopter, Expal, Finmeccanica, GIDS, Glock, Kongberg, Korea Defense Industry Association (KDIA), L-3 TRL Technology, Nammo, Nexter, Raytheon, Pyser-SCI, Renault, Rosoboronexport, Russian Technologies, SSM (Turkish Industry Association), Team Defence Australia, Thales.

Syarikat tempatan pula terdiri dari Boustead Naval Shipyard, DRB-Hicom Defence Technologies (Deftech), MDSTP, Sapura, SME Ordnance, System Consultancy Services (SCS), Weststar dan Zetro Aerospace.